

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEMBANGUNAN INSTRUMEN
PELABURAN EMAS PATUH SYARIAH (iPEPS) DI
MALAYSIA**

NAJAHUDIN LATEH

Tesis yang dikemukakan
bagi memenuhi keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Ogos 2016

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 28 Jun 2016 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Najahudin Lateh bagi tesis Doktor Falsafahnya yang bertajuk “Pembangunan Instrumen Pelaburan Emas Patuh Syariah (iPEPS) di Malaysia” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut:

Pisol Maidin, PhD
Profesor Madya
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Chairman)

Siti Khadijah Ab. Manan, PhD
Profesor Madya
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Joni Tamkin Borhan, PhD
Profesor
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

Mohamad Anton Anthoillah, PhD
Profesor
Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah
Jakarta
(Pemeriksa Luar)

DR. MOHAMMAD NAWAWI
DATO' HAJI SEROJI
Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 1 Ogos 2016

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar	:	Najahudin Lateh
No. Pelajar	:	2012477444
Program	:	Doktor Falsafah (Pengajian Islam Kontemporari) - IC990
Facultyi	:	Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Tajuk Tesis	:	Pembangunan Instrumen Pelaburan Emas Patuh Syariah (iPEPS) di Malaysia
Tandatangan	:	
Tarikh	:	1 Ogos 2016

ABSTRAK

Fenomena pelaburan emas pada masa kini memerlukan suatu garis panduan syariah yang spesifik dan komprehensif kerana terdapat ketidaksepakatan dalam kalangan ulama tentang hukum-hakam transaksi emas. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan instrumen Pelaburan Emas Patuh Syariah (iPEPS) yang standard berasaskan senario transaksi di Malaysia. Kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan pendekatan kajian Reka bentuk dan Pembangunan oleh Richey & Klein (2007) yang diubah suai melalui tiga fasa; analisis, reka bentuk dan penilaian. Fasa pertama bertujuan untuk mengenal pasti kriteria yang diperlukan untuk membangunkan panduan patuh syariah yang komprehensif dalam pelaburan emas. Fasa kedua bertujuan untuk mereka bentuk konstruk iPEPS yang disepakati pakar muamalat sementara fasa ketiga menilai tahap kualiti kesahannya dan menghasilkan profil pelaburan emas. Kutipan data bagi fasa pertama, iaitu analisis melibatkan 56 pelabur emas dan tiga orang pakar dengan menggunakan set soal selidik dan temu bual berstruktur. Data bagi fasa ini dianalisis menggunakan nilai taburan frekuensi dan peratus serta transkripsi temu bual. Data fasa kedua, iaitu reka bentuk dikutip menggunakan set soal selidik skala Likert 4-poin melalui Teknik Delphi ubah suai sebanyak dua pusingan melibatkan 13 orang pakar. Data fasa terakhir, iaitu penilaian pula melibatkan 40 pelabur dan institusi pelaburan emas yang kemudian dianalisis menggunakan model pengukuran Rasch. Dapatan data Fasa Analisis menunjukkan semua (100 peratus) pelabur dan pakar bersetuju bahawa panduan pelaburan emas dalam bentuk instrumen sangat diperlukan. Semua responden juga bersetuju bahawa panduan tersebut perlu mempunyai tiga dimensi, iaitu (i) pelabur dan institusi pelaburan; (ii) barang dan harga; dan (iii) akad tawaran. Kriteria bagi panduan tersebut adalah berdasarkan dua kontrak utama pelaburan emas, iaitu *al-bay'* dan *bay' al-sarf*. Dapatan data pada Fasa Reka Bentuk pula menunjukkan semua (100 peratus) pakar Delphi bersetuju dengan ketiga-tiga dimensi tersebut. Dapatan fasa ini juga menunjukkan kesepakatan yang tinggi dalam kalangan mereka untuk menerima 33 item dengan skor median adalah 4 dan Julat Antara Kuartal (JAK) 0.00-1.00. Skor ini disokong oleh analisis *Fuzzy Delphi Method* (FDM) yang menunjukkan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$) serta peratusan kesepakatan pakar ($\geq 75\%$). Pada Fasa Penilaian, satu item telah digugurkan pada kajian rintis kerana tidak sepadan (*misfit*) dengan nilai PTMEA CORR negatif (-0.17logit) dan berada di luar sempadan yang ditetapkan (*outfit z-std*=2.9). Kajian tinjauan sebenar telah mengekalkan 32 item yang mempunyai ciri kesahan baik bagi setiap item dan person (nilai kebolehpercayaan item: 0.94; kebolehpercayaan person: 0.94; PTMEA CORR item yang positif; *infit* MNSQ item=0.44-1.66 logit ; dan *z-std* > -/+2). Profil pelaburan emas menunjukkan majoriti institusi pelaburan emas tidak patuh syariah. Hanya 7.5 peratus yang mempunyai komitmen tinggi untuk mematuhi kriterianya. Kajian ini berjaya menghasilkan panduan pelaburan emas secara syariah berkualiti tinggi serta garis panduan proses menjalankan kajian pembangunan instrumen atau modul yang empirikal untuk manfaat semua.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kebesaran rahmat, keluasan kasih sayang dan selaut pertolongan-Nya, saya dipilih oleh-Nya untuk menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Saya mulai bicara penghargaan ini dengan poskad ‘Terima Kasih’ untuk semua yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang kembara ilmu hingga sampai ke garisan penamat tesis ini. Pertamanya, saya ingin melahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat ibu bapa, isteri, anak-anak dan keluarga saya yang memberikan dorongan dan galakan serta memahami susah senang menyiapkan tesis ini. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Ghafarullahuddin Hj. Din, Prof. Dr. Muhamad Rahimi Osman, Prof. Madya Ezani Yaakob dan Dr. Salmy Edawati Yaacob selaku penyelia-penyelia saya yang banyak membimbing, membakar semangat, menguntum ceria dan sentiasa meluahkan positif kepada saya sepanjang perjalanan tiga tahun menoktahi tesis ini.

Saya juga mengalungkan penghargaan dan terima kasih kepada saf pakar yang membantu memperkemas dan sudi menelaah tesis ini. Kalungan terima kasih khas untuk tiga pakar yang menyemak analisis dan struktur bahasa tesis kajian ini, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Nor Mamat (analisis model Rasch), Dr. Ghazali Darusalam (metodologi dan analisis statistik deskriptif) dan pembaca pruf tesis ini, Pn. Norshimah Salleh selaku Munsyi Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Terima kasih juga kepada para guru dan sahabat yang membimbing dalam analisis model pengukuran Rasch, antaranya Prof. Dr. Trevor G. Bond yang juga penulis buku terkenal ‘*Applying the Rasch Model*’ dan dua pakar dalam pengukuran ini, Prof. Saidfuddin Mas’udi dan isteri beliau Dr. Azrilah Abdul Aziz. Begitu juga tunjuk ajar dari penyelidik yang telah menggunakan model ini dalam tesis mereka, Prof. Madya Dr. Mohd Nor Mamat, Dr. Adibah Abdul Latif, Pn. Prasanna Ramakrisnan serta rakan-rakan lain dalam grup *Rasch Measurement Malaysian Chapter* (myRASCH) yang sentiasa pantas memberikan respons atas segala kemusykilan. Titipan penghargaan dan terima kasih juga kepada pakar-pakar muamalat Islam yang menghulurkan kerjasama, khususnya sebagai informan temu bual dan peserta Teknik Delphi dalam kajian ini, pakar analisis *Fuzzy Delphi Method* (FDM) serta penilai instrumen yang membuat semakan terhadap teks soal selidik.

Rantainya terima kasih juga seluruh staf ACIS, teman-teman pengajian pasca siswazah melalui ikatan bicara suka duka terutamanya grup pasca siswazah ACIS, pasca siswazah staf ACIS dan Persatuan PhD UM. Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan kebaikan berpanjangan kepada kita semua di dunia dan akhirat.